

Penduduk terkejut, Felda Jelai 4 dilanda banjir

GEMAS – Hujan lebat berterusan dari petang kelmarin menyebabkan 43 kediaman penduduk di Felda Jelai 4, di sini, dilanda banjir seawal jam 8.30 malam kelmarin.

Sebanyak 31 keluarga ditempatkan di Pusat Pemindahan Sekolah Agama Rakyat Felda Jelai 4 seawal jam 8.30 malam kelmarin dan operasi pusat pemindahan ditutup sepenuhnya jam 2 petang semalam.

Manakala, 12 keluarga tidak berpindah memandang-

kan air naik sekitar 30 ke 90 sentimeter mulai surut jam 1 pagi semalam.

Mangsa, Noridah Sapuan, 55, berkata, dia pada mulanya menyangka kediamannya yang berada di tepi sungai tidak dinaiki air susulan terdapat tebatan banjir dibina.

“Sejak projek ini siap tiga tahun lepas, jarang air melimpah masuk, tapi semalam, rumah bahagian belakang sudah mula dinaiki air lebih kurang jam

8.30 malam.

“Akak sedar air penuh laman rumah jam 10.30 malam, cepat-cepat akak hantar mak (Jamilah Ismail, 74) pergi pusat pemindahan,” katanya ketika ditemui di kediamannya, semalam.

Noridah berkata, air naik mendadak, namun mujur ketika kejadian, suaminya, Yusuf Jais, 64, dan dua anak berusia 23 dan 28 tahun berada di rumah.

“Mereka selamatkan barang,” katanya.



Hujan lebat berterusan sejak petang kelmarin menyebabkan 43 kediaman penduduk di Felda Jelai 4, di sini, dilanda banjir.